

# UM antara kelompok 100 universiti terbaik dunia

**PUTRAJAYA 7 Jun** - Universiti Malaya (UM) mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi antara kelompok 100 universiti terbaik di dunia.

Menurut laporan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking 2018/2019* yang dikeluarkan semalam, UM berada di tangga ke-87 dunia dalam senarai universiti terbaik dunia.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, kejayaan itu menyaksikan UM naik 27 anak tangga berbanding berada di kedudukan ke-114 tahun lalu.

“Sekalung tahniah diucapkan kepada UM. Anda (UM) telah menampilkan prestasi yang konsisten. Awal tahun ini, tujuh kursus yang ditawarkan UM turut disenaraikan dalam kelompok 50 terbaik dunia.

“Pada tahun lalu, Fakulti Kejuruteraan UM menempatkan diri dalam kedudukan 10 fakulti terbaik di dunia mengikut laporan media Amerika Syarikat, *US News*,” katanya pada sidang akhbar di Kementerian Pendidikan di sini hari ini.

Menurut Maszlee, kejayaan UM itu memberi indikasi bahawa institusi pendidikan tinggi di Malaysia telah berjaya menyediakan satu sistem yang berkualiti dan positif menuju ke arah Revolusi Industri 4.0.

“Ini memberi kelebihan kepada Malaysia berbanding negara-negara jiran sebagai hab pendidikan tinggi dan seterusnya menjadi pilihan untuk melanjutkan pelajaran bagi pelajar-pelajar antarabangsa.

“Saya yakin bahawa setelah kita memperkenalkan akta baharu untuk mentadbir universiti-universiti awam bagi menggantikan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) nanti, semua universiti di negara ini akan menjadi lebih kompetitif hasil daripada kebebasan aka-

demik dan autonomi yang akan mereka peroleh,” katanya.

Selain UM, empat lagi universiti awam juga berjaya memperlihatkan peningkatan cemerlang iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berada di kedudukan ke-184 berbanding di tangga ke-230 pada tahun 2017.

Ia diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM) di tangga ke-202 berbanding kedudukan ke-229 pada tahun 2017; Universiti Sains Malaysia (USM) iaitu tangga ke-207 (2017:264) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di tangga ke-228 (2017:253).

Lapan lagi institusi pendidikan tempatan (awam dan swasta) pula berjaya berada dalam kelompok

1,000 terbaik dunia iaitu Universiti UCSI; Universiti Teknologi Petronas (UTP); Universiti Taylor; Universiti Utara Malaysia (UUM); Universiti Islam Antarabangsa (UIAM); Universiti Tenaga Nasional (Uniten); Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Multimedia (MMU).

Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semalam memutuskan untuk memberhentikan siri audit Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SLPMg2) yang sedang dijalankan oleh pihak Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti (JNJK) berkuat kuasa serta-merta.

Bagaimanapun, Maszlee berkata, bagi membantu pihak pengurusan sekolah memanfaatkan penggunaan SKPMg2 dengan berkesan, JNJK tetap meneruskan sesi latihan dan bimbingan yang diperlukan.

“SKPMg2 yang terdiri daripada lima standard iaitu kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal pelajar, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) serta kemenjadian murid telah dilaksanakan di semua sekolah,” katanya.



**MASZLEE MALIK**